

## PM minta wujudkan Kursi Dr Syed Husin Ali di Universiti Malaya



Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi** - September 21, 2024 @ 4:20pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir majlis memperingati Profesor Dr Syed Husin Ali di Universiti Malaya. - Foto NSTP/Asyraf Hamzah

KUALA LUMPUR: Kerajaan setuju untuk mewujudkan Kursi Dr Syed Husin Ali di Universiti Malaya (UM) sebagai mengenang jasa dan sumbangan serta mengkaji secara mendalam pemikiran Profesor Dr Syed Husin Ali dalam memperjuang hak rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau sudah meminta Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berbincang dengan ahli keluarganya bagi memenuhi tujuan itu.



Profesor Dr Syed Husin Ali

"Saya sudah sampaikan (cadangan) kepada Menteri Pendidikan Tinggi untuk segera mewujudkan dengan persetujuan keluarga Kursi Husin Ali di mana-mana fakulti di UM.

"Kursi itu bukan sekadar membicaraan sosok Husin tetapi imbauan mengenai curahan pemikiran beliau dalam banyak tajuk. Kemiskinan dan sejarah rakyat yang sedikit sebanyak menyimpang dari aliran pemikiran semasa.

"Saya kebetulan dapat hadam banyak (penulisan) beliau dalam penjara. Hampir semua karya berkaitan feudalisme, kemerdekaan rakyat, itu semua dikirim dan diseludup ke kamar saya di (Penjara) Sungai Buloh dulu," katanya berucap pada Majlis Memperingati Profesor Dr Syed Husin Ali di UM hari ini.

Pada majlis itu, Anwar turut meluluskan peruntukan RM200,000 kepada Persatuan Sains Sosial UM, bagi keperluan melakukan kajian khusus untuk menilai karya-karya penulisan Husin Ali.

Allahyarham Syed Husin yang juga bekas Timbalan Presiden PKR meninggal dunia pada usia 87 tahun pada 29 Jun lalu akibat kanser.

Sahabat rapat serta rakan seperjuangan Anwar itu terbabit dalam banyak pilihan raya selain merupakan antara tokoh politik yang sudah lama berjuang dalam arena tersebut.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pensyarah dan profesor di UM sebagai pakar dalam bidang sains sosial.

Perdana Menteri berkata, Syed Husin adalah seorang yang sangat keras dalam soal tatakelola dan isu-isu rakyat terutama dalam hal kemiskinan rakyat.

"...karyanya banyak menyentuh soal ini," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar menyifatkan Syed Husin bukan sarjana yang hanya mempunyai fokus kepada bidang tertentu saja, sebaliknya memiliki pandangan yang luas.

"(Beliau) bicara soal rakyat, Malaysia, kemanusiaan dan perjuangan. Ini bukan soal keserjanaan biasa. Jadi Kursi Husin Ali itu akan gagal, kalau kita menjuruskan hanya kepada satu aspek yang terbatas.

"Sebaik saya menjawat jawatan Perdana Menteri, jika diberi ruang (bertemu) tidak pernah dibicara soal kepentingan beliau. Asyik desak saya buat ini, ini perlu buat. Kadang-kadang saya geram juga. Tetapi kerana keyakinan beliau, itulah Husin Ali," katanya.

Anwar berkata, ketika PKR menguasai Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, Allahyarham Syed Husin juga ditawarkan sebagai Ahli Dewan Negara, namun ditolak pada awalnya, sebelum akhirnya terpaksa untuk menerimanya.

Beliau pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) UM, Singapura (1956-1959), Master UM, Singapura (1963) dan Doktor Falsafah (PhD) (Sosiologi dan Antropologi) di *London School of Economics and Political Science, United Kingdom* pada 1972.

Dalam kerjaya, Syed Husin juga pernah menjadi Pegawai Penyelidik Sementara, Agensi Kesusasteraan Bahasa pada 1959 dan Profesor Pengajian Pembangunan Manusia, Institut Pengajian Lanjutan, UM pada 1982 hingga 1985.

Syed Husin yang dipilih DUN Selangor bagi tempoh 2009-2015 sebagai Senator Dewan Negara, sudah menghasilkan pelbagai buku antaranya *Social Stratification in Kampung Bagan* (1966), *Malay Peasant Society and Leadership* (1975), Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan (1978), *The Malays, Their Problems and Future* (1981), *Poverty and Landlessness in Kelantan, Malaysia* (1983), *Ethnicity dan Class and Development, Malaysia* (1984).